



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 2 JULAI 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 2 Julai 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **6,278 kes** (694,538 kes kumulatif, 90.7%);
- Kes baharu : **6,982 kes** (765,949 kes kumulatif);
- Kes import : **3 kes** (2 warganegara, 1 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **6,979 kes** [5,265 warganegara (75.4%); 1,714 bukan warganegara (24.6%)];
- Kes aktif : **66,084 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU): **905 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **443 kes**;
- Kes kematian : **73 kes** (5,327 kes kumulatif, 0.70%; 64 warganegara, 9 bukan warganegara);
- Jumlah kluster : **2,882 kluster**;


- Jumlah kluster baharu : **17 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **2,005 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **877 kluster**.

Sebanyak **73 kes** kematian pada hari ini yang melibatkan **29 kes** di Selangor, **13 kes** di Negeri Sembilan, masing-masing **lima (5) kes** di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Sabah, masing-masing **empat (4) kes** di Johor, Pahang, dan Sarawak, **tiga (3) kes** di Wilayah Persekutuan Labuan, masing-masing **dua (2) kes** di Kelantan dan Pulau Pinang, serta masing-masing **satu (1) kes** di Melaka dan Kedah.

Perincian jumlah kes mengikut negeri, kes-kes kematian dan kluster-kluster baharu adalah seperti di Lampiran 1, 2, 3 dan 4 yang disertakan bersama kenyataan media ini.

PENINGKATAN KES KEMATIAN SEBELUM TIBA KE HOSPITAL (BID) PESAKIT COVID-19 DI MALAYSIA


Sehingga 2 Julai 2021, KKM telah merekodkan sebanyak 5,327 kes kematian (0.70 peratus) sejak pandemik COVID-19 melanda negara kita. Manakala, sebanyak 4,856 (91.2 peratus) kes kematian telah dilaporkan pada tahun 2021. Daripada jumlah kematian pada tahun 2021, sebanyak 670 (13.8 peratus) kes kematian sebelum tiba ke hospital (BID) dilaporkan. Analisa CPMC Kebangsaan juga mendapati terdapat **kenaikan tren kes-kes kematian BID iaitu sebanyak tujuh (7) kali ganda** dari bulan April (35 kes) sehingga Jun 2021 (246 kes).



National Mortality: No of BID according to Age Group and Nationality
2 July 2021

Mean: 61.22 (± 16.98)
Median: 62

Total BID
670




Kebanyakan kes kematian BID ini adalah dari kumpulan umur 50 tahun sehingga 70 tahun (iaitu sebanyak 76.7 peratus) dengan sekurang-kurangnya satu komorbid (64.5 peratus). Tiga (3) negeri yang merekodkan kes kematian BID tertinggi pada tahun ini adalah Selangor iaitu sebanyak 181 kes (27.0 peratus), diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu sebanyak 78 kes (11.6 peratus), dan Sabah sebanyak 85 kes (12.7 peratus).

National: No of BID (by State)
2 July 2021

Total BID (year)
2020: 136
2021: 534

Total BID
670



Orang ramai perlu cakna dalam memantau kesihatan sendiri terutamanya apabila disahkan positif dan berada dalam pemantauan di rumah. Berikut adalah langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh setiap individu, iaitu;

- **Jalani pemeriksaan segera** sekiranya bergejala atau merupakan kontak kepada kes yang positif;
- **Amalkan kuarantin sendiri di rumah dengan penuh tanggungjawab** sementara menunggu keputusan ujian dan panggilan daripada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dan *COVID-19 Assessment Centre (CAC)*;
- **Maklumkan kepada KKM melalui notifikasi sendiri (*self-notification*)** di aplikasi MySejahtera dan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) atau CAC berdekatan sekiranya didapati positif sama ada melalui ujian RT-PCR atau RTK Antigen;

- **Segera laporkan sebarang “*warning signs*” dan dapatkan rawatan di fasiliti kesihatan berdekatan.**
Warning signs merupakan gejala yang memberi petanda bahawa keadaan seseorang pesakit COVID-19 semakin teruk. Antara *warning signs* yang memerlukan rawatan segera adalah seperti berikut:
 - Demam berpanjangan;
 - Kesukaran bernafas;
 - Sakit dada;
 - Kurang selera makan dan minum;
 - Kelesuan bertambah teruk;
 - Perubahan pada status mental seperti kurang tahap sedar dan kekeliruan;
 - Batuk, muntah, dan cirit yang semakin teruk;
 - Kurang buang air kecil;
 - Bibir atau jari menjadi kebiruan; dan
 - Ketepuan oksigen <95%.

Ahli keluarga atau rakan serumah dinasihatkan agar prihatin dan peka terhadap keadaan dan kesihatan pesakit COVID-19 dengan memanfaatkan teknologi komunikasi untuk memantau kesihatan pesakit sepanjang pemantauan kuarantin di rumah.

Selain itu, beberapa langkah telah dan sedang diambil oleh Kementerian dengan kerjasama pelbagai agensi bagi mengatasi situasi berkenaan;

i) Pengukuhan Fungsi CAC

KKM sedang menambahbaik proses pemantauan oleh CAC di seluruh negara bagi membolehkan penilaian awal menyeluruh dapat dilakukan segera terhadap kes-kes positif. Kes-kes ini seterusnya akan ditentukan sama ada boleh menjalani pengasingan dan pemantauan sendiri di rumah, perlu dimasukkan ke *Pusat Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah* (PRKC) atau dirujuk ke hospital. Dengan pengukuhan CAC, **pemantauan kes dapat dijalankan dengan lebih baik dan rujukan segera dapat dilakukan sekiranya perlu.**

ii) Meningkatkan Kapasiti Makmal

KKM akan terus bekerjasama dengan pelbagai pihak bagi meningkatkan kapasiti ujian pengesanan virus SARS-CoV-2 harian yang terdiri daripada ujian RT-PCR dan RTK-Ag. Bagi meningkatkan kapasiti ujian RT-PCR, KKM menjalankan kerjasama dengan makmal-makmal dari Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Kementerian Pertahanan Malaysia, dan makmal-

makmal swasta, manakala ujian RTK-Ag pula dijalankan oleh klinik dan hospital swasta secara meluas sama ada secara individu atau *mass screening*. Kerjasama di antara agensi dan sektor ini telah membolehkan **aktiviti pengesanan kes dan tindakan kesihatan awam lain dilaksanakan dengan segera.**

iii) Pendigitalan Pengurusan Pandemik COVID-19

KKM akan memulakan inisiatif peranti pintar di beberapa buah CAC termasuk *pulse oxymeter* bagi memantau keadaan semasa pesakit COVID-19 ketika berada di rumah. Seperti yang diumumkan oleh YB Menteri Kesihatan, inisiatif ini bertujuan untuk mengukuhkan pengurusan pesakit COVID-19. Dengan adanya inisiatif ini, tahap kesihatan kes positif khususnya yang sedang menjalani pengasingan di rumah, dapat diselia dengan lebih baik seterusnya sebarang kemerosotan gejala dapat dikesan dengan lebih cepat.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**).

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

2 Julai 2021 @ 5:30 petang.

LAMPIRAN 1

**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 2 JULAI 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SELANGOR	2,907 (1)	254,543
WP KUALA LUMPUR	637 (1)	79,303
JOHOR	517	71,611
SABAH	230	69,907
SARAWAK	440	65,835
NEGERI SEMBILAN	606 (1)	46,178
KELANTAN	129	35,048
PULAU PINANG	351	35,020
PERAK	182	26,959
KEDAH	257	25,776
MELAKA	202	18,928
PAHANG	329	14,190
TERENGGANU	44	11,295
WP LABUAN	131	8,429
WP PUTRAJAYA	20	2,332
PERLIS	0	595
JUMLAH KESELURUHAN	6,982 (3)	765,949

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

LAMPIRAN 2

Ringkasan 73 kes kematian pada 2 Julai 2021 adalah seperti berikut:

No. Kematian	Negeri	Jantina (Warganegara)	Umur (Tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang Penyakit
5255	Selangor	Perempuan (WN)	38	Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	-
5256	Sabah	Lelaki (WN)	64	Hospital Duchess of Kent, Sandakan	Kencing manis, darah tinggi, jantung, dan buah pinggang
5257	Selangor	Lelaki (WN)	64	Hospital Kajang	Kencing manis
5258	Pahang	Perempuan (WN)	56	Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan	Kencing manis dan darah tinggi
5259	Kelantan	Perempuan (WN)	59	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu	Kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang
5260	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	74	Hospital Jempol	Darah tinggi dan jantung
5261	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	68	Hospital Sungai Buloh	Kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
5262	Sarawak	Perempuan (WN)	81	Hospital Sibul	Kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
5263	Sarawak	Lelaki (WN)	78	Hospital Umum Sarawak, Kuching	-
5264	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	59	Hospital Jempol	Darah tinggi dan dislipidemia
5265	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	33	Hospital Jempol	Darah tinggi, dislipidemia, dan obesiti
5266	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	78	Hospital Rehabilitasi Cheras	Darah tinggi dan jantung
5267	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	68	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Kencing manis dan darah tinggi
5268	Selangor	Lelaki (WN)	70	Hospital Shah Alam	Jantung
5269	Kelantan	Lelaki (WN)	75	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu	Kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
5270	Selangor	Lelaki (WN)	53	Hospital Sungai Buloh	Asma
5271	Johor	Perempuan (WN)	53	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar	Kencing manis dan darah tinggi
5272	Johor	Perempuan (WN)	46	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar	-
5273	Johor	Lelaki (WN)	67	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar	Kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
5274	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	80	Hospital Jelebu	Kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia

5275	Sabah	Perempuan (WN)	59	Hospital Lahad Datu	Kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang
5276	Selangor	Perempuan (WN)	72	Hospital Sungai Buloh	-
5277	Johor	Perempuan (WN)	30	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar	Obesiti
5278	Selangor	Lelaki (WN)	59	Hospital Shah Alam	Kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, jantung, dan buah pinggang
5279	Sarawak	Lelaki (WN)	55	Hospital Sibul	Darah tinggi, jantung, dan buah pinggang
5280	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	57	Hospital Kuala Lumpur	Kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang
5281	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	70	Hospital Tampin	Darah tinggi, dislipidemia, dan saraf
5282	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	69	Hospital Jempol	Kencing manis, darah tinggi, jantung, buah pinggang, dan paru-paru kronik
5283	Selangor	Lelaki (WN)	72	Hospital Kajang	Darah tinggi dan saraf
5284	Selangor	Lelaki (WN)	79	Hospital Sungai Buloh	Darah tinggi, jantung, dan kanser
5285	Pulau Pinang	Lelaki (WN)	26	Jenazah dibawa ke Hospital Pulau Pinang	Epilepsi
5286	Pahang	Lelaki (WN)	72	Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh	Kencing manis, darah tinggi, dan kanser
5287	Selangor	Perempuan (WN)	72	Hospital Rehabilitasi Cheras	Kencing manis, darah tinggi, dan obesiti
5288	Selangor	Perempuan (WN)	58	Hospital Shah Alam	Kencing manis, darah tinggi, asma, dan buah pinggang
5289	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	60	Hospital Kuala Lumpur	Obesiti
5290	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	76	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Darah tinggi dan dislipidemia
5291	Pahang	Lelaki (WN)	24	Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan	Obesiti
5292	Selangor	Perempuan (WN)	67	Hospital Kajang	Darah tinggi, dislipidemia, strok, dan buah pinggang
5293	Selangor	Perempuan (WN)	87	Hospital Serdang	-
5294	Sabah	Lelaki (WN)	89	Hospital Lahad Datu	-
5295	Selangor	Perempuan (WN)	58	Hospital Shah Alam	Kencing manis, darah tinggi, jantung, buah pinggang, dan obesiti

5296	Selangor	Perempuan (WN)	53	Hospital Serdang	Kencing manis dan darah tinggi
5297	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	91	Hospital Rehabilitasi Cheras	Darah tinggi dan strok
5298	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	79	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Kencing manis dan darah tinggi
5299	Pahang	Lelaki (WN)	59	Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan	Kencing manis, darah tinggi, dan saraf
5300	Selangor	Perempuan (WN)	75	Hospital Shah Alam	Kencing manis
5301	Selangor	Lelaki (WN)	70	Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	Strok
5302	Selangor	Lelaki (WN)	60	Jenazah dibawa ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	Darah tinggi
5303	Selangor	Lelaki (WN)	40	Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	Kanser
5304	Selangor	Lelaki (WN)	62	Jenazah dibawa ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	Kencing manis, darah tinggi, jantung, dan obesiti
5305	Sabah	Lelaki (WN)	63	Jenazah dibawa ke Hospital Beaufort	Tiroid
5306	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	64	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, strok, jantung, dan buah pinggang
5307	WP Labuan	Perempuan (WN)	80	Jenazah dibawa ke Hospital Labuan	Darah tinggi
5308	Selangor	Perempuan (WN)	85	Jenazah dibawa ke Pusat Perubatan Universiti Malaya	Kencing manis, darah tinggi, dan jantung
5309	Selangor	Perempuan (WN)	78	Hospital Kajang	-
5310	Selangor	Lelaki (WN)	76	Hospital Banting	Strok
5311	Selangor	Lelaki (WN)	74	Hospital Kajang	Kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
5312	Selangor	Perempuan (WN)	54	Hospital Shah Alam	Kencing manis dan darah tinggi
5313	Selangor	Perempuan (WN)	70	Jenazah dibawa ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	Kencing manis
5314	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	69	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Kencing manis, darah tinggi, dan penyakit buah pinggang
5315	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	47	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Kencing manis, darah tinggi, dan obesiti

5316	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	43	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Kencing manis, penyakit jantung, dan buah pinggang
5317	Melaka	Lelaki (WN)	33	Jenazah dibawa ke Hospital Melaka	Kencing manis dan darah tinggi
5318	WP Labuan	Lelaki (WN)	75	Jenazah dibawa ke Hospital Labuan	Endokrin
5319	Pulau Pinang	Lelaki (BWN)	36	Hospital Kepala Batas	-
5320	Selangor	Lelaki (BWN)	51	Jenazah dibawa ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	-
5321	Selangor	Perempuan (BWN)	51	Hospital Shah Alam	Darah tinggi
5322	Sabah	Lelaki (BWN)	49	Hospital Lahad Datu	Jantung
5323	Kedah	Lelaki (BWN)	67	Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani	-
5324	WP Labuan	Perempuan (BWN)	61	Jenazah dibawa ke Hospital Labuan	Darah tinggi
5325	Selangor	Perempuan (BWN)	47	Hospital Serdang	-
5326	Selangor	Lelaki (BWN)	60	Jenazah dibawa ke Pusat Perubatan Universiti Malaya	Kencing manis dan asma
5327	Sarawak	Lelaki (BWN)	48	Jenazah dibawa ke Hospital Kapit	-

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara

LAMPIRAN 3

Perincian 6,982 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 2 Julai 2021 mengikut jenis saringan adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH KES	KLUSTER	KONTAK RAPAT	IMPORT A*	LAIN-LAIN
SELANGOR	2,907	165	1,619	1	1,122
WP KUALA LUMPUR	637	149	276	1	211
NEGERI SEMBILAN	606	186	244	1	175
JOHOR	517	360	96	-	61
SARAWAK	440	81	244	-	115
PULAU PINANG	351	256	51	-	44
PAHANG	329	173	118	-	38
KEDAH	257	99	95	-	63
SABAH	230	49	96	-	85
MELAKA	202	87	86	-	29
PERAK	182	134	26	-	22
WP LABUAN	131	5	80	-	46
KELANTAN	129	41	53	-	35
TERENGGANU	44	36	6	-	2
WP PUTRAJAYA	20	0	12	-	8
PERLIS	-	-	-	-	-
JUMLAH KESELURUHAN	6,982	1,821	3,102	3	2,056

* Import A merujuk kepada kes penularan dari luar negara

LAMPIRAN 4

KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA PADA 2 JULAI 2021

No.	Nama Kluster	Kategori Kluster	Negeri	Daerah	Jumlah Kes	Jumlah disaring
1	Damai 16	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	13	74
2	Jalan By Pass Batu Anam	Tempat Kerja	Johor	Segamat	26	128
3	Keluli Industri Tiga	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	9	32
4	Perdagangan Harmoni Satu	Tempat Kerja	Selangor	Sepang	19	69
5	Jalan Besar Teras Jernang	Tempat Kerja	Selangor	Sepang dan Hulu Langat	42	116
6	Tapak Bina Persiaran Institusi	Tempat Kerja	Selangor	Sepang	39	284
7	Kilometer 85 Mukah	Tempat Kerja	Sarawak	Mukah	92	348
8	Jalan Masjid India	Tempat Kerja	WP Kuala Lumpur	Lembah Pantai, Cheras, Kepong, dan Titiwangsa	13	49
9	Tingkat Perusahaan 4A	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	9	94
10	Kampung Sungai Hilir Perupok	Komuniti	Kelantan	Bachok dan Pasir Puteh	9	12
11	Kampung Pahi Kuala Krai	Komuniti	Kelantan	Kuala Krai	21	98
12	Kompleks Fasa Dua	Komuniti	Johor	Muar	19	40
13	Sungai Gamong	Komuniti	Sarawak	Meradong	13	39
14	Tanjung Pitas	Komuniti	Sabah	Pitas	43	86
15	Persiaran MARDI	Kumpulan Berisiko Tinggi	Selangor	Sepang, Hulu Langat, Hulu Selangor, Klang, Kuala Selangor, Petaling, dan Gombak	52	340
16	Jalan Orkid	Kumpulan Berisiko Tinggi	Selangor	Hulu Selangor	15	52
17	Persiaran Soga	Kumpulan Berisiko Tinggi	Johor	Batu Pahat dan Kluang	19	205